

Penentu Fenomena Penyisihan Sosial: Dimensi Ekonomi (*Determinants of Social Exclusion Phenomenon: The Economic Dimensions*)

Nik Mohd Azim Nik Ab Malik
Universiti Kebangsaan Malaysia
Shahida Shahimi
Universiti Kebangsaan Malaysia
Muhammad Hakimi Mohd Shafai
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor-faktor penentu kepada fenomena penyisihan sosial, khususnya yang berkaitan dengan dimensi ekonomi. Kajian ini turut menguji pengaruh modal kerohanian yang diperkenalkan sebagai pemboleh ubah baharu dalam model penyisihan sosial. Ini kerana menurut agama Islam, aspek kerohanian mempunyai pengaruh terhadap kehidupan individu termasuk dalam urusan perekonomian. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik secara talian berdasarkan teknik pensampelan rawak mudah. Sebanyak 387 responden terdiri daripada penerima bantuan kewangan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pusat zakat negeri-negeri wilayah tengah Malaysia. Data primer telah dianalisis menggunakan model regresi logistik. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kemahiran, status kesihatan, tahap modal kerohanian, status Orang Kurang Upaya (OKU) dan status bekas banduan merupakan faktor penentu kepada fenomena penyisihan sosial dimensi ekonomi. Penemuan kajian ini dapat menyediakan input kepada penggubal dasar bagi mengemaskini serta menambah baik dasar, pelan tindakan dan strategi berkaitan pemerkasaan ekonomi komuniti yang bersesuaian bagi membendung fenomena penyisihan sosial serta menggalakan keterangkuman sosial.

Kata kunci: Penyisihan sosial; modal kerohanian; dimensi ekonomi; Malaysia; regresi logistik; keterangkuman sosial

ABSTRACT

This study aims to identify the determinants of social exclusion phenomenon, particularly those related to the economic dimension. This study also examines the influence of spiritual capital, i.e., the new variable introduced in the social exclusion model. According to Islam, the spiritual aspect influences the lives of individuals including economic matters. This study used an online survey based on random sampling technique. The 387 respondents were recipients of monthly financial assistance from the Department of Social Welfare and state level zakat centers within the central region of Malaysia. The primary data were analyzed using a logistic regression model. The results indicate that lack of skill, poor health, low spiritual capital level, the status of people with disabilities and former convicts are significantly associated with the risk of social exclusion based on the economic dimensions. The findings could provide useful information to policy makers in improving policy, action plans and strategies related to community economic empowerment. This is important in mitigating social exclusion and promoting social inclusion.

Keywords: Social exclusion; spiritual capital; economic dimensions; Malaysia; logistic regression; social inclusion

JEL: C83, I15, I25, J24, L26, O15

Received 10 April 2023; Revised 17 November 2023; Accepted 8 December 2023; Available online 12 December 2023

PENDAHULUAN

Penyisihan sosial merujuk kepada situasi kelemahan sosial (Silver 1994), kesukaran dan tekanan hidup (Silver 1995) yang berlaku dalam kalangan sekumpulan individu kelas bawahan (Siti Hajar 2009). Penyisihan sosial bersifat multidimensi iaitu merangkumi dimensi ekonomi, sosial dan politik (Percy-Smith 2000; Levitas et al. 2007). Antara domain penunjuk penyisihan sosial

ialah sumber ekonomi (pendapatan rendah), penyertaan ekonomi (bukan dalam pekerjaan atau bekerja sendiri), persekitaran kehidupan (tinggal di rumah yang tidak memuaskan), akses kepada perkhidmatan (tidak mempunyai akaun bank serta perlindungan insurans) dan sebagainya (Scutella et al. 2009). Penyisihan sosial sangat berkait rapat dengan masalah ekonomi seperti kerentanan kepada kemiskinan (Moustafa et al. 2014), kemiskinan (O'Brien et al. 1997; Mendola et al. 2009;



This article is published under the Creative Commons Attribution 4.0 International (CC BY 4.0) license.

Safaa 2012; Figueroa 2015a & 2015b; Galabuzi 2016) dan ketidaksamaan pendapatan (Faria 1995; Silver 1995; Figueroa 2015a & 2015b; Hazari & Mohan 2015).

Penyisihan sosial dimensi ekonomi merujuk kepada halangan akses dan penyertaan ke dalam pasaran sumber ekonomi (*livelihood market*) seperti pasaran buruh dan pasaran kredit. Keadaan ini menghalang individu daripada menjalankan aktiviti ekonomi seperti pekerjaan dan keusahawanan bagi membolehkan mereka hidup secara wajar dan seterusnya menyebabkan kerugian yang boleh menjejaskan kualiti hidup bagi sesiapa yang mengalaminya (Mohd Adib et al. 2020). Antara contoh kerugian ialah hidup dalam kemiskinan, tinggal dalam keadaan rumah yang tidak memuaskan, ketidakmampuan memenuhi keperluan asas kehidupan seperti menjelaskan bil utiliti asas (elektrik, air dan telefon) secara berterusan dan lain-lain lagi (Scutella et al. 2009). Berbanding dimensi sosial dan politik, penyisihan sosial dimensi ekonomi merupakan penyisihan sosial yang paling kritikal kerana boleh mendedahkan individu kepada risiko terperangkap dalam kitaran ganas kemiskinan secara berterusan dan seterusnya menyebabkan penyisihan sosial total.

Menurut Figueroa (2015a; 2015b), penyisihan sosial merupakan penyumbang kepada tingkat ketidaksamaan pendapatan. Penyisihan sosial mempunyai kaitan dengan ketidaksamaan pendapatan kerana pendapatan adalah asas kepada penyertaan sosial (inklusif sosial) melalui penggunaan yang mencerminkan kuasa rakyat dalam peranan ekonomi mereka (Byrne 2005). Selain itu, penyisihan sosial juga merupakan penyebab kemunduran sesebuah masyarakat kerana menyebabkan golongan miskin kekal terperangkap dalam kitaran ganas kemiskinan secara berterusan (Figueroa 2015a; 2015b), dan melahirkan pula generasi seterusnya yang hidup dalam belunggu kemiskinan yang diwarisi (Mohd Adib et al. 2015). Rumusannya, penyisihan sosial dimensi ekonomi merupakan satu fenomena yang menerangkan tentang sekumpulan individu dan masyarakat kurang bernasib baik yang tersisih daripada sistem pasaran sumber ekonomi lalu menyebabkan mereka hidup terpinggir dan ketinggalan daripada menikmati kemakmuran ekonomi negara (Nik Mohd Azim et al. 2015).

Dalam konteks Malaysia, Kerajaan Malaysia telah menjadikan 'Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan' sebagai objektif pelan pembangunan negara dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12) (Malaysia 2021). Objektif tersebut adalah konsisten dengan iltizam kerajaan Malaysia menerusi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) iaitu untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik dan wilayah (Malaysia 2019). Pencapaian pertumbuhan ekonomi inklusif ditentukan oleh dua faktor penting

iaitu pertumbuhan pendapatan dan agihan pendapatan (Anand et al. 2013). Sehubungan itu, dalam konteks agihan pendapatan di Malaysia menunjukkan insiden ketidaksamaan pendapatan masih berada dalam keadaan yang tidak memuaskan. Hal ini dapat dilihat apabila nilai pekali Gini yang dicapai oleh Malaysia pada tahun 2019 adalah 0.407 (Malaysia 2020). Nilai pekali Gini bagi negara dengan ketidaksamaan agihan pendapatan yang tinggi selalunya berada dalam lingkungan 0.50 dan 0.70. Sementara bagi negara dengan agihan pendapatan saksama pula, nilainya adalah dalam julat 0.20 dan 0.35 (Rahmah et al. 2011). Situasi ini jelas menunjukkan bahawa agihan pendapatan di Malaysia masih belum berada pada tahap saksama dan inklusif.

Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor penentu penyisihan sosial menurut dimensi ekonomi dan menguji pemboleh ubah modal kerohanian sebagai faktor penentu baharu bagi fenomena penyisihan sosial di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah regresi logistik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor tahap kemahiran, status kesihatan dan tahap modal kerohanian merupakan faktor penentu signifikan kepada fenomena penyisihan sosial dimensi ekonomi dalam kalangan penerima bantuan JKM dan zakat di Malaysia.

Oleh yang demikian, dapatan kajian ini telah menyumbang kepada literatur tentang penentu penyisihan sosial melalui tiga aspek. Pertama, kajian ini memberikan tumpuan spesifik tentang penyisihan sosial dalam dimensi ekonomi berbanding kajian-kajian sebelum ini mengkaji berkaitan penentu penyisihan sosial dalam konteks umum. Kedua, kajian ini mengukuhkan lagi saranan umum teori Sigma oleh Figueroa (2015a & 2015b) yang mengaitkan faktor keupayaan modal insan sebagai penentu penyisihan sosial dimensi ekonomi. Tambahan pula, kajian ini turut membuktikan satu lagi komponen dalam keupayaan modal insan yang tidak dikemukakan oleh Figueroa (2015a & 2015b) yang turut berupaya menjadi penyebab penyisihan sosial dimensi ekonomi iaitu status kesihatan. Ketiga, kajian ini juga membuktikan bahawa selain faktor luaran bersifat nyata, faktor dalaman bersifat abstrak iaitu modal kerohanian juga berupaya menjadi penyebab penyisihan sosial dimensi ekonomi. Susulan daripada itu, implikasi dasar daripada dapatan kajian ini ialah pihak kerajaan boleh mengambil kira aspek pemerksaan keupayaan modal insan dan modal kerohanian dalam strategi untuk mencapai objektif dasar ekonomi terutama yang berhubung dengan isu penyisihan sosial dimensi ekonomi dan masalah ekonomi yang berkaitan dengannya termasuk kemiskinan serta ketidaksamaan ekonomi.

Bahagian seterusnya akan membincangkan tentang kajian lepas tentang penyisihan sosial. Kemudian perbincangan bersambung kepada penerangan berkenaan metodologi kajian. Selanjutnya, kajian ini membentangkan keputusan kajian. Akhir sekali, kajian ini ditutup dengan kesimpulan.

KAJIAN LEPAS

KONSEP PENYISIHAN SOSIAL

Konsep penyisihan sosial mula digunakan di Perancis pada tahun 1970an (Teraji 2011). Istilah penyisihan sosial diperkenalkan oleh René Lenoir yang merupakan setiausaha tindakan sosial negara bagi kerajaan Chirac (Silver 1994) dalam bukunya *Les Exclus: Un Francais*

sur dix pada tahun 1974 (Haan 1999). Penyisihan sosial pada ketika itu merujuk kepada sekumpulan penduduk terpinggir dan tersisih daripada sistem perlindungan sosial Perancis (Saunders 2008; Scutella et al. 2009). Secara umumnya, penyisihan sosial terdiri daripada empat dimensi utama iaitu dimensi sosial, ekonomi, undang-undang atau politik dan budaya atau moral. Jadual 1 menunjukkan penjelasan tentang dimensi-dimensi penyisihan sosial.

JADUAL 1. Dimensi penyisihan sosial

Dimensi Penyisihan Sosial	Manifestasi
Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> • Akses terhadap kepada peluang pekerjaan
Sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Akses terhadap kepada perkhidmatan, infrastruktur dan kemudahan • Akses terhadap kepada peluang pendidikan, kebajikan, perumahan dan kehidupan • Keterbatasan hak warganegara
Undang-undang / politik	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan akses kepada proses pembuatan keputusan demokrasi • Terencil daripada proses dan struktur yang memudahkan peningkatan penyertaan
Budaya / moral	<ul style="list-style-type: none"> • Sejauh mana penduduk percaya bahawa mereka mempunyai pengaruh • Penstigmaan • Tersisih daripada amalan budaya yang luas

Sumber: Doney et al. (2013)

Secara umumnya terdapat tiga perkara teras yang berkait rapat dengan isu penyisihan sosial iaitu penyertaan, sumber dan kualiti hidup. Oleh yang demikian, penyisihan sosial adalah tentang halangan untuk akses penyertaan kepada kehidupan sosial, ekonomi, budaya, politik dan sivik yang lazim. Natiyah halangan akses penyertaan tersebut menyebabkan orang yang mengalami penyisihan sosial akan menghadapi masalah kesempitan sumber termasuk sumber ekonomi (hidup dalam kerentanan dan kemiskinan), sosial, pendidikan, kemahiran serta akses kepada perkhidmatan awam dan swasta. Akhir sekali, dampak yang menimpa kepada golongan yang mengalami penyisihan sosial ialah keterjejasan kualiti hidup merangkumi kesihatan,

kesejahteraan, persekitaran kehidupan, kemudaran, terpinggir dari segi hak undang-undang serta dasar awam, terlibat dalam norma tidak formal dan perilaku jenayah.

FAKTOR PENENTU PENYISIHAN SOSIAL

Secara umumnya, terdapat berbilang faktor penentu penyisihan sosial yang telah dikemukakan dalam kajian-kajian lepas. Faktor-faktor tersebut boleh dikategorikan kepada empat dimensi iaitu meliputi dimensi ekonomi, sosial, politik atau perundangan dan budaya atau moral. Jadual 2 menunjukkan faktor penentu penyisihan sosial berdasarkan dapatan kajian lepas yang telah diklasifikasikan mengikut dimensi yang bersesuaian.

JADUAL 2. Faktor penentu penyisihan sosial

Dimensi Penyisihan Sosial	Faktor Penentu Penyisihan Sosial	Penulis (Tahun)
Ekonomi	Tahap pendidikan	Tsakoglou & Papadopoulos (2002), Bradshaw et al. (2004), UNDP Croatia (2006), Poggi (2007), Babajanian & Hagen-Zanker (2012), Figueroa (2015a & 2015b), Fang & Gunderson (2015), Kim et al. (2016)
	Kemahiran	Bradshaw et al. (2004), Figueroa (2015a dan 2015b)
	Status kesihatan	Tsakoglou & Papadopoulos (2002) Bradshaw et al. (2004), UNDP Croatia (2006), Boardman (2011), Babajanian & Hagen-Zanker (2012), Kim et al. (2016), Nik Mohd Azim et al. (2020)
Sosial	Status migran	Tsakoglou & Papadopoulos (2002), UNDP Croatia (2006), Riga (2007), Islam & Nath (2012), Fang & Gunderson (2015).
	Status keupayaan	UNDP Croatia (2006), Riga (2007), Babajanian & Hagen-Zanker (2012), Islam (2015), Fang & Gunderson (2015), Kim et al. (2016)

bersambung ...

... sambungan

	Kumpulan etnik	UNDP Croatia (2006), Riga (2007), Andjelkovic et al (2011), Babajanian & Hagen-Zanker (2012), Fang & Gunderson (2015)
	Status perkahwinan	Tsakoglou & Papadopoulos (2002), UNDP Croatia (2006), Riga (2007), Fang & Gunderson (2015)
	Gender	Riga (2007), Andjelkovic et al (2011), Babajanian & Hagen-Zanker (2012), Fang & Gunderson (2015)
	Status warga emas	UNDP Croatia (2006), Riga (2007)
Politik/ Perundangan	Status bekas banduan	Bradshaw et al. (2004), UNDP Croatia (2006).
Budaya/ Moral	Golongan minoriti berdasarkan pegangan agama, minoriti seksual seperti populasi lesbian, gay, biseksual, transvestisme dan transeksual (LGBTT), orang yang hidup dengan cara hidup alternatif (contoh: punk)	UNDP Croatia (2006)

Berdasarkan dapatan kajian lepas dalam Jadual 2 di atas, didapati bahawa antara faktor penentu penyisihan sosial adalah terdiri daripada tahap pendidikan, kemahiran, status kesihatan, status kesihatan, status migran, status keupayaan, kumpulan etnik, status perkahwinan, gender, status warga emas, status bekas banduan dan golongan minoriti. Oleh yang demikian berdasarkan panduan daripada dapatan tersebut, kajian ini mengambil kira aspek tahap pendidikan, tahap kemahiran, status kesihatan, status banduan dan status keupayaan sebagai faktor penentu penyisihan sosial dimensi ekonomi yang akan diuji dalam model penganggaran. Dalam konteks ekonomi termasuk di Malaysia, faktor-faktor tersebut adalah penting untuk diambil kira dalam penentuan responden tersisih kerana ia merupakan penentu kepada keupayaan, produktiviti, kompetensi, keberkesanan dan daya saing seseorang individu serta penerimaan masyarakat untuk menyertai pasaran sumber ekonomi terutamanya pasaran buruh berpendapatan wajar. Oleh itu, isu penyisihan sosial dimensi ekonomi adalah penting untuk dikaji kerana tersisih daripada pasaran sumber ekonomi arus perdana seperti pekerjaan tidak terjamin atau terhenti daripada kehidupan bekerja merupakan fasa pertama kepada proses penyingkiran sosial yang seterusnya membawa kepada penyisihan sosial lebih dalam (Paugam 1996).

TEORI SIGMA

Fenomena penyisihan sosial menurut dimensi ekonomi telah dibincangkan oleh Figueroa (2015a; 2015b) melalui teori Sigma. Teori ini menjelaskan bahawa aspek keupayaan modal insan individu merupakan faktor penentu kepada isu penyisihan sosial dimensi ekonomi seterusnya menyumbang kepada masalah kemiskinan dan ketidaksetaraan pendapatan berterusan. Pada dasarnya, teori Sigma menggunakan kerangka ekonomi Neoklasik dan mengandaikan bahawa sistem pasaran ekonomi yang beroperasi adalah konsisten dengan semangat sistem kapitalisme sebagai asas perbincangan

fenomena ekonomi. Oleh itu, kesemua gelagat individu dalam sistem ekonomi menurut teori ini didorong oleh kepentingan diri sendiri.

Dalam konteks pasaran, semua firma berusaha untuk mencapai dua objektif utama iaitu memaksimumkan keuntungan dan mengekalkan kedudukan kelas. Justeru, firma cenderung memilih buruh yang mempunyai tahap keupayaan modal insan tinggi yang sahaja. Ini bermakna, hanya sebahagian tenaga buruh berupaya untuk diterima masuk ke dalam pasaran buruh pada kadar upah pasaran. Hal yang sama turut berlaku dalam pasaran kredit yang mana tidak semua individu berjaya memperoleh pinjaman daripada institusi kewangan dan berkemampuan untuk membayar balik pinjaman pada kadar faedah pasaran.

Implikasi daripada keadaan ini menyebabkan wujud segolongan komuniti tertentu mengalami penyisihan sosial dimensi ekonomi. Golongan komuniti tersisih dalam teori ini terdiri daripada pekerja kelas bawahan dan kurang berkemahiran. Hal ini disebabkan oleh tahap keupayaan modal insan yang dimiliki mereka adalah rendah iaitu berada di bawah nilai ambang yang dikehendaki oleh pasaran sumber ekonomi meliputi pasaran buruh dan kredit. Modal insan menurut teori Sigma hanya terhad kepada dua aspek iaitu pendidikan (tahun persekolahan) dan kemahiran (latihan dalam pekerjaan). Dengan tahap keupayaan modal insan yang rendah tersebut menyebabkan golongan tersisih tersebut dianggap tidak kompeten dari sudut keupayaan mengoperasikan teknologi dan teknik pengeluaran moden pada pandangan pasaran terutama sektor ekonomi berproduktiviti tinggi dan berdaya maju serta mampu menjamin perolehan tingkat upah tinggi kepada pekerja. Akibat tersisih daripada pasaran tersebut menyebabkan golongan tersisih berhadapan dengan dua pilihan sahaja iaitu sama ada bekerja di sektor sara diri berproduktiviti rendah ataupun terpaksa menganggur. Kedua-dua pilihan tersebut menyebabkan golongan tersisih menjadi rentan kepada kemiskinan. Akhirnya, jika tiada usaha untuk memperbaiki keadaan *status quo*, maka akan menyebabkan golongan tersebut terpaksa hidup dalam kitaran ganas

kemiskinan berpanjangan kemudian melahirkan pula generasi yang mewarisi kemiskinan secara turun-temurun lantas menyumbang kepada ketidaksamaan ekonomi tinggi berterusan.

Kesimpulannya, menurut teori Sigma, tahap keupayaan modal insan merupakan faktor utama dalam menentukan nasib buruh. Pemilikan tahap keupayaan modal insan tinggi akan membawa kepada pencapaian taraf hidup yang baik kepada buruh kerana dapat menyertai pasaran sumber ekonomi berdaya maju dan berpendapatan tinggi. Sebaliknya, pemilikan tahap keupayaan modal insan rendah pula mengakibatkan buruh terjerumus ke dalam rantaian masalah ekonomi bermula daripada penyisihan sosial dimensi ekonomi, rentan kepada kemiskinan dan akhirnya kemiskinan multidimensi secara berterusan merentasi generasi.

KEUPAYAAN MODAL INSAN SEBAGAI PENENTU PENYISIHAN SOSIAL DIMENSI EKONOMI

Keupayaan modal insan menurut teori Sigma hanya terhad kepada aspek pendidikan dan kemahiran, sedangkan ruang lingkup komponen modal insan adalah lebih luas. Menurut Rahmah et al. (2011), modal insan merujuk kepada keupayaan produktif yang dimiliki oleh seseorang individu yang dihasilkan melalui pelaburan dalam pendidikan, latihan dan kesihatan. Schultz (1961), Becker (1962) serta Rahmah et al. (2011) mengambil kira aspek pendidikan (pengetahuan), latihan (kemahiran) dan kesihatan sebagai aspek penting bagi modal insan. Sementara itu, Piazza-Georgi (2002) pula telah menambah satu lagi komponen modal insan iaitu keusahawanan. Keempat-empat aspek modal insan tersebut adalah penting kerana dapat meningkatkan potensi individu untuk menjadi lebih kompeten dalam pasaran kerja, produktif serta cekap dalam proses pengeluaran dan berupaya menghasilkan output berkualiti.

Oleh yang demikian, untuk memantapkan analisis tentang pemboleh ubah keupayaan modal insan sebagai faktor penentu penyisihan sosial dimensi ekonomi, kajian ini telah meluaskan lagi skop konsep tersebut melangkaui saranan teori Sigma. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah mengambil kira aspek pendidikan, kemahiran, kesihatan dan keusahawanan sebagai komponen keupayaan modal insan sepertimana yang dikemukakan oleh Schultz (1961), Becker (1962), Rahmah et al. (2011) dan Piazza-Georgi (2002).

KEPENTINGAN MODAL KEROHANIAN

Secara umumnya, aspek kerohanian berteraskan keagamaan mempunyai pengaruh yang dapat menghasilkan impak positif terhadap kehidupan manusia. Sebagai contoh kerohanian yang baik berupaya meningkatkan kualiti insan (Adjibolosoo 2013), prestasi pekerja (Aahad et al. 2013), produktiviti sumber manusia (Salim et al. 2015), prestasi korporat (Abdullah et al.

2015), tahap kualiti hidup orang miskin (Hairunnizam et al. 2012) dan lain-lain. Malah kerohanian juga boleh dijadikan sebagai modal yang berguna kepada pembangunan ekonomi (Berger & Redding 2011).

Para pengkaji terdahulu telah mengemukakan pelbagai versi konsep modal kerohanian. Metanexus (2003) (dalam Baker & Miles-Watson 2010) mendefinisikan modal kerohanian sebagai kesan amalan kerohanian dan agama, kepercayaan, rangkaian dan institusi yang mempunyai impak boleh diukur terhadap individu, masyarakat dan pertubuhan. Manakala menurut Berger dan Hefner (2003), modal kerohanian ialah kuasa, pengaruh, pengetahuan dan pembawaan yang dibina oleh penyertaan dalam tradisi agama tertentu. Baker dan Smith (2010) merujuk modal kerohanian sebagai nilai dan wawasan kerohanian untuk masa hadapan yang diungkapkan dalam pelbagai aktiviti seperti ibadat (termasuk sembahyang) dan perkara yang memotivasikan manusia memberi sumbangan praktikal kepada masyarakat di dunia yang lebih luas termasuk mereka yang berada dalam kumpulan sendiri. Sementara itu, menurut Hefner (2011) modal kerohanian berupa hubungan dengan Tuhan seperti ibadat, doa, kesetiaan dan kepatuhan yang merupakan jenis disiplin spesifik bukan disiplin bagi masyarakat manusia (Malloch 2010).

Kelebihan modal kerohanian ialah dapat menghasilkan dua kategori kebaikan iaitu “kebaikan keras” (*hard virtue*) dan “kebaikan lembut” (*soft virtue*) dalam diri seseorang individu. Kebaikan keras merupakan kebaikan yang dikaitkan dengan aspek kemaskulinan seperti kepimpinan, keberanian, ketabahan dan disiplin yang mana perkara ini dapat membantu seseorang individu melaksanakan sesuatu pekerjaan (Malloch 2010). Manakala kebaikan lembut pula adalah dalam bentuk nilai seperti sifat baik hati, suka menolong, kemurahan, empati (Wortham & Wortham 2007), keadilan, belas kasihan, pengampunan, kesyukuran dan rendah hati (Malloch 2010).

Dalam Islam, konsep kerohanian adalah aspek dalaman manusia bersifat dimensi agama (Suriani et al. 2019) yang berkait rapat tentang hubungan antara manusia dengan Allah s.w.t. Hubungan tersebut dapat direalisasikan menerusi perlakuan ibadat kepadaNya (Abu Soleh 1997). Selaras dengan itu, keimanan serta tauhid kepada Allah s.w.t merupakan asas kepada kerohanian (Suriani et al. 2020) yang mana ia diterjemahkan dalam bentuk amal ibadat seperti solat, puasa dan sebagainya. Ibadat dalam Islam menjadi pertalian secara langsung antara hamba dengan Allah s.w.t. Di samping itu, kerohanian dalam Islam juga perlu berserta dengan ilmu pengetahuan dan kepatuhan yang diamalkan dalam kehidupan sejajar dengan tuntutan syarak (al-Harran 2004). Dalam hal ini, Islam sangat mementingkan kesihatan rohani pada diri insan. Kesihatan rohani bermula daripada kebersihan jiwa (*al-nafs*) dan jantung hati (*al-qalb*). Perkara ini berpandukan firman Allah s.w.t dalam surah Al-Syam ayat 9 hingga 10 yang bermaksud:

Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).¹

Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa modal kerohanian berkait rapat dengan elemen keagamaan. Aspek kerohanian yang diasaskan oleh agama menjadi salah satu unsur yang mampu mempengaruhi perubahan seseorang individu bermasalah kerana ia berupaya mencipta makna dan kepercayaan dalam diri manusia (Khairul Hamimah et al. 2014).

Modal kerohanian dalam kajian ini adalah berpandukan teori kerohanian Al-Ghazali (2000). Modal kerohanian adalah manifestasi kesan pengumpulan pengetahuan keagamaan serta amalan kerohanian berasaskan ibadat fardu dan sunat yang boleh mengaktifkan serta memberi impak positif (kecerdasan kerohanian) kepada individu yang membuat pelaburan kerohanian. Modal kerohanian terdiri daripada dua komponen utama iaitu pelaburan kerohanian dan kecerdasan kerohanian. Bagi memudahkan pengukuran, pelaburan kerohanian yang dikemukakan hanya mengambil kira aspek *riyadah al-nafs* dalam konteks pemantapan keimanan melalui ilmu pengetahuan keagamaan dan mempertingkatkan amal ibadat sahaja. Kecerdasan kerohanian menurut kajian ini merujuk kepada kepintaran jiwa impak daripada perhubungan dengan Allah (*hablumminAllah*) menerusi keimanan, pengumpulan ilmu pengetahuan dan amalan kerohanian yang dapat menjadikan seseorang individu itu berupaya memahami erti kehidupan serta menghayati makna ibadat dalam setiap pemikiran, emosi, sikap, gelagat, motivasi dan aktiviti.

Dalam Islam, aspek kerohanian berupaya memberi impak terhadap kehidupan manusia. Sebagai contoh, terdapat ayat al-Quran yang mengaitkan amalan kerohanian (pelaburan kerohanian) seperti amalan permohonan ampun kepada Allah s.w.t (*istighfar*) sebagai jalan keluar kepada masalah ekonomi iaitu firman Allah s.w.t dalam surah Nuh ayat 10 hingga 12.

Berdasarkan ayat ini dapat difahami bahawa iman, *istighfar*, doa dan suci hati dengan Allah merupakan prasyarat bagi memperoleh kejayaan, keberkatan, kemajuan masyarakat dan negara (Abdul Hayei 2005). Secara lebih spesifik, amalan kerohanian seperti *istighfar* boleh menjadi penyebab utama seseorang manusia itu diberikan pelbagai jenis kurniaan rezeki (Wahbah al-Zuhaily 2004; Asy-Syaukani 2012) termasuk harta dan kekayaan. Selain itu, terdapat juga keterangan dalam al-Quran yang mengaitkan aspek kerohanian sebagai penyelesaian kepada pelbagai jenis masalah termasuk permasalahan yang bersangkutan dengan perekonomian (rezeki). Sebagai contoh firman Allah s.w.t dalam surah Al-Talaaq ayat 2 hingga 3.

Ayat ini menjelaskan bahawa aspek ketakwaan merupakan penyebab kepada pertambahan rezeki seorang hamba dengan cara Allah s.w.t membuka pintu rezeki kepadanya dari tempat yang di luar daripada perhitungan manusia (Abdul Malik 1975). Dalam hal ini, orang-orang yang bertakwa merupakan orang yang mempunyai tahap kerohanian yang bagus (Basri & Hamzah 2020). Namun begitu, ayat ini juga tidak sekali-kali menafikan tentang kepentingan usaha untuk memperoleh rezeki (Achmad Kurniawan 2015). Dalam pada itu komponen modal kerohanian, kecerdasan kerohanian mempunyai kaitan dengan sifat tawakal. Tawakal merupakan satu bentuk pengharapan, pergantungan, keyakinan serta penyerahan hati dan spiritual kepada Allah s.w.t yang mana ia merupakan tanda kekuatan jiwa terhasil daripada kekuatan iman (Suriani et al. 2019).

Oleh yang demikian, tahap modal kerohanian tinggi dapat menjadi sumber kekuatan kepada individu tersisih membangunkan diri dari sudut mempertingkatkan kualiti kehidupan ke arah lebih positif berasaskan sifat tawakal. Dengan ini dapat membantu golongan tersisih keluar daripada kitaran ganas ketersisihan dan kemiskinan. Premis ini berpandukan kepada firman Allah s.w.t dalam surah Al-Talaaq ayat 3.

Ayat ini menerangkan tentang sesiapa yang menaruh kepercayaan dan menyerahkan urusannya kepada Allah s.w.t setelah melakukan sebab-musabab di antaranya ialah berusaha mencari rezeki, nescaya Allah s.w.t akan memenuhi keinginannya dalam setiap perkara (Wahbah al-Zuhaily 2007).

Berdasarkan dalil-dalil al-Quran yang dikemukakan di atas jelas menunjukkan bahawa aspek kerohanian turut mempunyai pengaruh penting dalam permasalahan ekonomi yang dihadapi oleh manusia seperti ketersisihan dan kemiskinan. Di samping itu, terdapat juga bukti daripada Hairunnizam et al. (2012) bahawa aspek keagamaan melalui amalan kerohanian mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tahap kualiti hidup golongan miskin. Oleh yang demikian, adalah penting untuk mengambil kira aspek modal kerohanian sebagai salah satu faktor baharu yang berpotensi dalam menentukan seseorang individu berisiko tersisih ataupun tidak.

Sebagai rumusan, kajian terdahulu telah membincangkan faktor-faktor penentu penyisihan sosial secara umum, sedangkan kajian ini mengkaji faktor penentu penyisihan sosial dimensi ekonomi yang menfokus kepada ketersisihan daripada pasaran sumber ekonomi arus perdana yang merangkumi pasaran pekerjaan dan kredit untuk aktiviti keusahawanan. Selain penyisihan sosial dimensi ekonomi secara spesifik, kajian ini turut mengisi jurang kajian dengan meneliti isu penyisihan sosial menurut perspektif ekonomi Islam, khususnya peranan modal kerohanian sebagai sebahagian daripada pengupayaan modal insan. Hal ini relevan untuk

dikaji kerana Islam mempunyai sisi pandang berbeza daripada konvensional dalam menanggapi isu ekonomi.

METODOLOGI KAJIAN

INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berdasarkan data primer yang diperolehi daripada maklum balas responden berdasarkan instrumen soal selidik. Terdapat lima bahagian iaitu: Pengenalan (Bahagian A); Penunjuk-penunjuk penyisihan sosial (Bahagian B); Faktor-faktor penyisihan sosial dimensi ekonomi (Bahagian C); dan Pernyataan tentang perasaan ketersisihan (Bahagian D). Soalan soal selidik diadaptasi berdasarkan dua set soalan soal selidik iaitu soal selidik Bancian Isi Rumah Miskin Malaysia Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) dan soal selidik Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Selain itu, terdapat satu pemboleh ubah tambahan bagi faktor-faktor penentu penyisihan sosial digunakan dalam penyelidikan ini iaitu modal kerohanian. Konstruk modal kerohanian mengandungi dua sub konstruk mencakupi pelaburan kerohanian dan kecerdasan kerohanian. Sub konstruk pelaburan kerohanian dibangunkan sendiri oleh penyelidik yang mana ia merangkumi aktiviti mempertingkatkan pengetahuan keagamaan dan amalan kerohanian. Aktiviti mempertingkatkan pengetahuan keagamaan dinilai berdasarkan kekerapan kegiatan penimbaan ilmu agama dalam kalangan responden melalui kehadiran ke ceramah agama, mendengar pengisian agama melalui medium televisyen, radio, internet dan membaca buku agama.

Selanjutnya, amalan kerohanian dinilai berlandaskan kekerapan melakukan amalan kerohanian fardu (wajib) dan amalan kerohanian sunat (sukarela). Amalan kerohanian fardu merangkumi ibadat solat termasuk melaksanakannya secara berjemaah dan puasa di bulan Ramadan. Sementara amalan kerohanian sunat pula meliputi ibadat solat dan puasa sunat, membaca al-Quran berserta terjemahannya, membaca terjemahan hadis nabi, berzikir, berdoa serta memohon ampun (*istighfar*) kepada Allah s.w.t dan berselawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w. Manakala sub konstruk kecerdasan kerohanian adalah berasaskan kepada item-item konstruk kesejahteraan kerohanian yang diambil daripada Ellison (1983).

PERSAMPELAN

Teknik persampelan yang digunakan ialah rawak mudah. Kerangka persampelan terdiri daripada senarai nama penerima bantuan kewangan bulanan di bawah skim bantuan kebajikan (bantuan am persekutuan) daripada JKM serta asnaf fakir dan miskin penerima skim bantuan

zakat (bantuan kewangan bulanan) di wilayah tengah Malaysia yang terdiri daripada Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur dan Putrajaya), Selangor dan Negeri Sembilan. Penerima bantuan JKM dan zakat dipilih sebagai responden kajian kerana golongan tersebut mempunyai ciri-ciri yang sepadan dengan definisi dan penunjuk golongan penyisihan sosial seperti yang dijelaskan dalam perbincangan sebelum ini. Di samping itu, penerima bantuan tersebut juga merupakan golongan rentan kepada penyisihan sosial lebih kronik.

Kajian ini memilih kawasan kajian berdasarkan tahap ketidaksamaan pendapatan kerana tahap ketidaksamaan pendapatan mempunyai kaitan rapat dengan isu penyisihan sosial (Faria 1995; Silver 1995; Figueroa 2015a & 2015b; Hazari & Mohan 2015). Justeru, rasional pemilihan responden dalam kalangan penduduk tiga negeri dalam wilayah tengah Malaysia tersebut adalah kerana merupakan negeri yang mengalami tahap ketidaksamaan pendapatan paling tinggi iaitu nilai pekali Gini purata 0.376 berbanding di negeri-negeri dalam wilayah Malaysia yang lain seperti wilayah utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak) 0.356, wilayah timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang) 0.348 dan wilayah selatan (Johor) mencapai bacaan pekali Gini 0.366 (Malaysia 2020).

Kajian ini melibatkan sejumlah 387 orang responden yang terdiri dalam kalangan penerima bantuan kewangan bulanan JKM dan pusat zakat di negeri-negeri di wilayah tengah Malaysia. Jumlah responden tersebut diperolehi daripada cadangan saiz sampel yang dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Oleh kerana jumlah populasi responden yang didapati daripada senarai nama penerima bantuan bulanan JKM dan pusat zakat di negeri-negeri terpilih adalah seramai 7758 orang kesemuanya, maka Krejcie dan Morgan (1970) menyarankan saiz sampel yang ideal bagi jumlah populasi tersebut adalah seramai 367 orang.

PENGUMPULAN DATA

Kajian ini melibatkan data primer yang diperolehi daripada maklum balas responden berdasarkan instrumen soal selidik secara dalam talian menerusi telefon. Bagi aktiviti pengumpulan data soal selidik kajian ini, penyelidik bersama dengan enam orang pembanci terlatih yang lain telah membuat panggilan telefon kepada responden sasaran yang dipilih daripada senarai nama populasi kajian yang diterima daripada JKM dan pusat zakat dengan menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Operasi pengumpulan data sebenar penyelidikan telah dilaksanakan dalam tempoh lapan bulan iaitu bermula pada 5/5/2018 dan berakhir pada 27/1/2019. Dalam tempoh tersebut, penyelidik telah berjaya mendapat sebanyak 387 borang soal selidik yang lengkap diisi. Data terkumpul akan dianalisis menggunakan model regresi logistik.

KAJIAN RINTIS

Sebelum aktiviti pengumpulan data sebenar dijalankan, kajian rintis melibatkan 39 orang responden telah dilakukan pada 5/3/2018 dan berakhir pada 7/4/2018 bagi menguji kebolehpercayaan konstruk yang diukur dengan menggunakan skala Likert. Konstruk tersebut ialah pemboleh ubah modal kerohanian. Kebolehpercayaan konstruk modal kerohanian diuji dengan menggunakan pengukuran *Cronbach's alpha*. Bacaan nilai pekali *Cronbach's alpha* yang diperoleh bagi konstruk modal kerohanian ialah 0.904. Menurut Sekaran dan Bougie (2016), bacaan nilai pekali melebihi 0.80 menunjukkan bahawa tahap kebolehpercayaan konstruk itu adalah baik. Oleh itu, penyelidik mengekalkan kesemua item yang membina konstruk tersebut tanpa sebarang pengubahsuaian untuk kegunaan kajian sebenar.

SPEKIFIKASI MODEL PENGANGGARAN

Kajian ini menggunakan model regresi logistik untuk menganalisis data kajian kerana ia dianggap sebagai amalan terbaik apabila menangani hasil yang bersifat dikotomi atau kategorikal. Di samping itu, regresi logistik juga dapat membantu membentangkan hasil yang lebih berjaya dalam konteks cara mengendalikan kebarangkalian (Osborne 2015). Spesifikasi model penganggar regresi logistik bagi faktor-faktor penentu penyisihan sosial dimensi ekonomi ialah seperti berikut:

$$P_i = E(Y = 1/X) = 1/(1 + e^{-z}) \tag{1}$$

yang mana:

P_i adalah kebarangkalian bagi responden untuk mengalami ketersisihan iaitu $Y = 1$. Manakala $Y = 0$ pula bagi responden tidak tersisih. Jadi, persamaan di atas boleh ditulis seperti berikut:

$$L = \ln\left(\frac{P_i}{1-P_i}\right) = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \beta_7 X_7 + \epsilon \tag{7}$$

yang mana;

L adalah log bagi nisbah 'odds' penyisihan (0 = tidak tersisih, 1 = tersisih).

X_1 adalah tahap pendidikan (0 = tahap pendidikan SPM² dan ke atas, 1 = tahap pendidikan SPM ke bawah).

X_2 adalah tahap kemahiran.

X_3 adalah keupayaan keusahawanan (0 = keupayaan keusahawanan tinggi, 1 = keupayaan keusahawanan rendah).

$$P_i = 1/(1 + e^{-z}) = e^z/(1 + e^z) \tag{2}$$

Jika P_i adalah kebarangkalian bagi responden untuk mengalami ketersisihan $Y = 1$, maka kebarangkalian bagi responden tidak tersisih pula ialah $Y = 0$ iaitu bersamaan $(1-P_i)$. Oleh yang demikian, kebarangkalian bukan dalam kalangan golongan tersisih ialah:

$$(1 - P_i) = 1/(1 + e^z) \tag{3}$$

Seterusnya nisbah kebarangkalian untuk responden dalam kalangan golongan tersisih adalah:

$$P_i / (1 - P_i) = e^z \tag{4}$$

Selanjutnya, dengan mengambil kira log *natural* bagi persamaan (4), maka terbit persamaan berikut:

$$\begin{aligned} L = \ln\left(\frac{P_i}{1-P_i}\right) &= \ln(e^z) \\ &= Z_i \\ &= f(X) \end{aligned} \tag{5}$$

Maka, model faktor-faktor penentu penyisihan sosial dimensi ekonomi boleh ditulis sebagai:

$$Z_i = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \dots + \beta_n X_n + \epsilon_i \tag{6}$$

Berdasarkan model dalam persamaan (6), pemboleh ubah bersandar Z_i merupakan satu fungsi $f(X)$ yang mana X adalah pemboleh ubah bebas terdiri daripada tahap pendidikan, tahap kemahiran, keupayaan keusahawanan, status kesihatan, tahap modal kerohanian, status banduan dan status keupayaan. Berasaskan persamaan (6), maka model logistik akhir yang dianggar dalam kajian ini ialah:

X_4 adalah status kesihatan (0 = status kesihatan normal, 1 = status kesihatan tidak normal).

X_5 adalah tahap modal kerohanian.

X_6 adalah status banduan (0 = bukan bekas banduan, 1 = bekas banduan).

X_7 adalah status keupayaan (0 = bukan orang kurang upaya, 1 = orang kurang upaya).

$$L = \ln\left(\frac{P_i}{1-P_i}\right) = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \beta_7 X_7 + \beta_8 X_8 + \epsilon \tag{8}$$

yang mana;

X_8 adalah kawasan (0 = bandar, 1 = luar bandar)

Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan penganggaran terhadap dua model logistik. Persamaan (7) merupakan persamaan model logistik satu. Manakala persamaan (8) pula adalah persamaan bagi model logistik dua. Model regresi logistik dua merupakan penganggaran tambahan yang dilakukan oleh penyelidik untuk menguji pemboleh ubah interaksi antara modal kerohanian dan faktor demografi iaitu pemboleh ubah kawasan. Berdasarkan persamaan model logistik (7) dan (8), secara teknikal pemboleh ubah bersandar kajian ini adalah bersifat dedua (*binary*) yang dikodkan dengan digit 1 dan 0. Pemboleh ubah bersandar dikodkan digit 1 menunjukkan responden adalah dalam kalangan golongan tersisih. Ciri-ciri utama responden kajian yang dikodkan digit 1 adalah tidak bekerja atau bekerja di sektor pekerjaan bertaraf rendah, mempunyai tahap pendapatan di bawah had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu di bawah RM 930³ sebulan dan perasaan berasa tersisih serta diikuti dengan beberapa ciri-ciri lain seperti tidak mempunyai tabungan tunai, tidak mempunyai aset pelaburan, pernah menanggung tunggakan bayaran utiliti asas seperti bil elektrik dan atau bil air dalam tempoh 12 bulan akibat mengalami kesempitan kewangan, terpaksa berhutang untuk memenuhi keperluan asas, tinggal di rumah yang sekurang-kurangnya berkeadaan mulai buruk, rumah atau tempat tinggal mempunyai kurang daripada tiga bilik tidur⁴, tidak mempunyai sebarang polisi perlindungan insurans dan pernah mengalami gangguan kesihatan kesan daripada kedudukan kewangan tidak memuaskan. Manakala pemboleh ubah bersandar dikodkan digit 0 bermaksud tidak tersisih adalah responden yang tidak mempunyai ciri-ciri ketersisihan seperti yang dinyatakan pada responden yang dikodkan digit 1.

Pada masa sama, penyelidik juga turut menggunakan pendekatan dedua kod 1 dan 0 bagi pemboleh ubah bebas tahap pendidikan, keupayaan keusahawanan, status kesihatan, status banduan, status keupayaan dan kawasan. Maksud pemboleh ubah yang dikodkan digit 1 masing-masing ialah responden mempunyai tahap pendidikan SPM ke bawah, mempunyai keupayaan keusahawanan rendah, menghidap sekurang-kurangnya satu penyakit kritikal, berstatus bekas banduan, mengalami sekurang-kurangnya satu jenis kecacatan yang melayakkan responden mendapat kad OKU daripada JKM dan akhir sekali tinggal di kawasan luar bandar.

Bagi pemboleh ubah bebas keupayaan keusahawanan, responden mempunyai keusahawanan rendah dalam kajian ini merujuk kepada responden yang sama ada mempunyai pengalaman perniagaan kurang daripada lima tahun atau kehadiran ke kursus keusahawanan kurang daripada dua kali atau kedua-duanya sekali. Dalam pada itu, bagi pemboleh ubah bebas status bekas banduan, adalah terdiri daripada responden yang pernah menjadi penghuni di mana-mana tempat kurungan atau pusat

pemulihan seperti penjara, lokap, sekolah *Henry Gurney* dan pusat serenti sebagai hukuman kerana melakukan kesalahan jenayah.

Manakala bagi pemboleh ubah bebas dikodkan digit 0 adalah responden yang berpendidikan pada tahap SPM dan ke atas, tidak mempunyai sebarang penyakit kritikal dan kecacatan yang melayakkan mereka mendapat kad OKU daripada JKM serta tinggal di kawasan bandar. Seterusnya bagi pemboleh ubah bebas keupayaan keusahawanan, digit 0 dikodkan kepada responden berkeupayaan keusahawanan tinggi iaitu responden yang mempunyai pengalaman dalam perniagaan sekurang-kurangnya lima hingga 10 tahun dan ke atas serta dalam masa yang sama kerap menghadiri kursus keusahawanan iaitu sekurang-kurangnya dua hingga tiga kali dan ke atas. Pemboleh ubah bebas status banduan pula, digit 0 dikodkan kepada responden tidak pernah menjadi penghuni di mana-mana tempat kurungan atau pusat pemulihan.

Selain itu, pengukuran bagi pemboleh ubah bebas tahap kemahiran dan tahap modal kerohanian masing-masing adalah bersifat selanjur dan ordinal bukan dedua. Bagi pemboleh ubah tahap kemahiran, kajian ini menggunakan kaedah nisbah berdasarkan formula pengiraan berikut:

$$\text{Nisbah tahap kemahiran} = \frac{\text{Bilangan Kemahiran}}{\text{Jumlah Kemahiran}}$$

Kemahiran ini terdiri daripada 17 kemahiran utama iaitu mekanik, automotif, elektrik atau elektronik, pertukangan rumah, pertukangan perabot, pertukangan paip, membancuh simen, membuat batu-bata, kraftangan, menjahit, andaman, memasak, kimpalan, ternakan, perikanan, pertanian dan lain-lain kemahiran yang berkaitan dengan pekerjaan semasa responden.

Akhir sekali, pemboleh ubah modal kerohanian mengandungi dua sub konstruk iaitu pelaburan kerohanian dan kecerdasan kerohanian. Kedua-dua sub konstruk ini dirangkumkan untuk mengukur pemboleh ubah modal kerohanian. Maka dalam konteks ini, pengujian model hanya mengambil kira faktor laten bukan sub konstruk secara spesifik. Pemboleh ubah modal kerohanian dinilai berdasarkan skor min keseluruhan bagi kedua-dua sub konstruk modal kerohanian meliputi pelaburan kerohanian dan kecerdasan kerohanian. Klasifikasi tahap modal kerohanian dikategorikan berdasarkan saranan Nunnally (1978) (dalam Nik Safiah et al. 2021) iaitu tahap skor min di antara 1.00 hingga 1.80 dikategorikan sebagai tahap sangat rendah. Seterusnya skor min 1.81 hingga 2.60 dikategorikan sebagai tahap rendah. Manakala skor min 2.61 hingga 3.40 dikategorikan sebagai tahap sederhana. Kemudian bagi skor min 3.41 hingga 4.20 adalah dikategorikan sebagai tahap sederhana tinggi. Terakhir, skor 4.21 hingga 5.00 dikategorikan sebagai tahap tinggi.

Konklusinya, berdasarkan teori sigma yang dikemukakan oleh Figueroa (2015a & 2015b) seperti

yang dijelaskan sebelum ini ada menyatakan bahawa keupayaan modal insan rendah merupakan penentu penting kepada penyisihan sosial dimensi ekonomi. Oleh kerana kajian ini mengambil kira aspek tahap pendidikan, tahap kemahiran, keupayaan keusahawanan dan status kesihatan sebagai komponen keupayaan modal insan, maka jangkaan hasil kajian ini ialah tahap pendidikan, kemahiran, keupayaan keusahawanan dan tahap kesihatan rendah berupaya menjadi penyebab kepada penyisihan sosial dimensi ekonomi. Manakala, jangkaan hasil kajian bagi faktor selain daripada keupayaan modal insan pula ialah faktor tahap modal kerohanian rendah, berstatus bekas banduan dan berstatus OKU berisiko menyebabkan seseorang individu itu tersisih dalam konteks dimensi ekonomi. Asas jangkaan ini berpandukan kepada dapatan kajian lepas berkaitan modal kerohanian (Hairunnizam et al. 2012), status bekas banduan (UNDP Croatia 2006) dan status OKU (Kim et al. 2016).

DAPATAN KAJIAN

ANALISIS DESKRIPTIF

Kajian ini telah berjaya menemu bual seramai 387 orang responden. Jadual 3 menunjukkan maklumat profil bagi kesemua responden yang telah ditemu bual. Berdasarkan perolehan data, didapati bahawa sebilangan besar responden adalah terdiri daripada penduduk yang tinggal di kawasan bandar (59.2%), berjantina wanita (57.1%), berumur antara 51 hingga 60 tahun (37.5%), mempunyai sijil akademik di peringkat SPM/MCE/SPVM/SMU (48.1%), berstatus ibu tunggal (38.5%), bekerja sendiri (35.9%) dan mempunyai tingkat pendapatan kurang daripada PGK iaitu di bawah RM 930 (58.4%).

JADUAL 3. Profil responden

Profil Responden	Sub-Profil	Kekerapan	Peratusan (%)
Kawasan	Bandar	229	59.2
	Luar Bandar	158	40.8
Jantina	Lelaki	166	42.9
	Wanita	221	57.1
Umur	Antara 20 hingga 30 tahun	23	5.9
	Antara 31 hingga 40 tahun	75	19.4
	Antara 41 hingga 50 tahun	144	37.2
	Antara 51 hingga 60 tahun	145	37.5
Tahap Pendidikan	Tiada Sijil	18	4.7
	UPSR/Penilaian Darjah 5	50	12.9
	SRP/PMR	98	25.3
	MCE/SPM/SPVM/SMU	186	48.1
	Sijil Kemahiran/lain-lain	7	1.8
	STPM/Diploma/HSC	26	6.7
	Ijazah Sarjana Muda	1	0.3
Status Perkahwinan	Ijazah Sarjana	1	0.3
	Belum Pernah Berkahwin	68	17.6
	Berkahwin	142	36.7
	Ibu Tunggal	149	38.5
	Bapa Tunggal	18	4.7
Pekerjaan	Lain-Lain	10	2.6
	Bekerja Sendiri	139	35.9
	Pekerja Bergaji	115	29.7
	Lain-Lain	121	31.3
Pendapatan	Tiada Pekerjaan	12	3.1
	Kurang Daripada RM 930 Sebulan	226	58.4
	Antara RM 931 Hingga RM 2325 Sebulan	161	41.6

Sementara itu, Jadual 4 menunjukkan deskriptif pemboleh ubah bebas yang digunakan dalam model penganggaran logistik. Berdasarkan jadual didapati bahawa nilai min bagi tahap modal kerohanian ialah 3.85. Manakala nilai min bagi nisbah tahap kemahiran pula ialah 0.064. Selain itu, jadual ini juga menunjukkan nilai kekerapan bagi pemboleh ubah berisiko sebagai penyebab ketersisihan. Berpandukan jadual, didapati

bahawa responden yang mempunyai tahap pendidikan SPM ke bawah adalah seramai 166 orang (42.9%), mempunyai keupayaan keusahawanan rendah seramai 375 orang (96.9%), mempunyai tahap kesihatan tidak normal seramai 293 orang (75.7%), bekas banduan seramai 23 orang (5.9%) dan orang kurang upaya seramai 16 orang (4.1%).

JADUAL 4. Pemboleh ubah bebas

Pemboleh ubah	Min	Sisihan Piawai
Tahap modal kerohanian	3.853	0.439
Nisbah tahap kemahiran	0.064	0.067
	Kekerapan	Peratus (%)
Tahap pendidikan:		
Tahap Pendidikan SPM ke bawah	166	42.9
Tahap Pendidikan SPM dan ke atas	221	57.1
Keupayaan keusahawanan:		
Keupayaan keusahawanan rendah	375	96.9
Keupayaan keusahawanan tinggi	12	3.1
Status kesihatan:		
Tahap kesihatan tidak normal	293	75.7
Tahap kesihatan normal	94	24.3
Status banduan:		
Bekas banduan	23	5.9
Bukan bekas banduan	364	94.1
Status keupayaan:		
OKU	16	4.1
Bukan OKU	371	95.9

KEPUTUSAN UJIAN KESESUAIAN MODEL KAJIAN

Sebelum ujian regresi logistik dilakukan, penyelidik telah melakukan ujian *Hosmer and Lemeshow* bagi tujuan semakan kesesuaian model kajian. Berdasarkan Jadual 5, keputusan ujian tersebut mencatatkan nilai kebarangkalian (p) 0.311 bagi model 1 dan 0.374 bagi model 2. Keputusan ini menunjukkan dapatan ujian *Hosmer and Lemeshow* adalah tidak signifikan. Bacaan tidak signifikan bermaksud model faktor-faktor penentu penyisihan sosial dimensi ekonomi yang dibangunkan oleh penyelidik adalah sesuai dan bagus (Wan Muhammad Amir et al. 2017).

Jadual 5 menunjukkan kebagusan model kajian berkeupayaan meramal kategori yang tepat iaitu tersisih atau tidak tersisih untuk setiap kes. Jadual tersebut menunjukkan terdapat dua perkara penting yang perlu diberi perhatian iaitu tentang kepekaan (*sensitivity*) dan kekhususan (*specificity*). Kepekaan model adalah peratusan bagi kumpulan mempunyai sifat tersisih yang

mana model ini dapat mengklasifikasikan 19.8% orang tersisih dengan tepat. Manakala kekhususan model pula adalah peratusan kumpulan tidak tersisih dikenal pasti dengan betul. Dalam hal ini, kekhususan adalah 93.2% orang tidak tersisih diramal dengan betul tidak akan tersisih oleh model.

Selanjutnya, nilai peratusan keseluruhan 70.3 menunjukkan bahawa 70.3% keseluruhan kes yang diramal adalah benar sama ada responden berstatus tersisih mahupun responden berstatus tidak tersisih. Secara umumnya, nilai peratusan keseluruhan 70% dan ke atas boleh dipertimbangkan sebagai suatu model yang baik (Wan Muhammad Amir et al. 2017).

Akhir sekali, berpandukan bacaan *Cox & Snell R Square* dan *Nagelkerke R Square* menunjukkan bahawa jumlah variasi bagi pemboleh ubah bersandar dapat dijelaskan oleh set pemboleh ubah bebas dalam keseluruhan model adalah sebanyak antara 10.6 hingga 14.9 peratus bagi model 1. Manakala sebanyak antara 10.9 hingga 15.3 peratus bagi model 2.

JADUAL 5. Keputusan ujian kesesuaian Model Regresi Logistik

	Diramalkan	Diramalkan		Peratusan Ketepatan (%)
		Penyisihan Sosial		
		Tidak Tersisih	Tersisih	
Penyisihan Sosial	Tidak Tersisih	248	18	93.2
	Tersisih	97	24	19.8
Peratusan Keseluruhan (%)				70.3
Model 1:				
<i>Hosmer and Lemeshow Test</i> = 0.311				
<i>Cox & Snell R Square</i> = 0.106				
<i>Nagelkerke R Square</i> = 0.149				
Model 2:				
<i>Hosmer and Lemeshow Test</i> = 0.374				
<i>Cox & Snell R Square</i> = 0.109				
<i>Nagelkerke R Square</i> = 0.153				

KEPUTUSAN ANALISIS REGRESI

Kajian ini telah menguji sebanyak tujuh pemboleh ubah bebas berkaitan faktor-faktor penentu penyisihan sosial dimensi ekonomi. Jadual 6 (Model 1) dan 7 (Model 2) menunjukkan tentang keputusan ujian statistik analisis regresi logistik tentang faktor-faktor penentu penyisihan sosial dimensi ekonomi dalam kalangan penerima bantuan JKM dan zakat di negeri-negeri wilayah tengah Malaysia. Berdasarkan keputusan tersebut didapati bahawa terdapat tiga pemboleh ubah bebas signifikan pada aras keertian lima peratus dan dua pemboleh ubah bebas signifikan pada aras keertian 10 peratus dalam menjelaskan pemboleh ubah bersandar. Ketiga-tiga pemboleh ubah itu ialah tahap kemahiran, status kesihatan dan tahap modal kerohanian. Manakala dua pemboleh ubah bebas lagi adalah status OKU dan status bekas banduan. Bagi pemboleh ubah tahap kemahiran dan tahap modal kerohanian mempunyai arah hubungan secara negatif dalam menjelaskan pemboleh ubah bersandar. Hal ini bermakna tahap kemahiran dan tahap modal kerohanian yang rendah mempunyai kebarangkalian tinggi untuk menjadikan seseorang itu tersisih dan begitu pula sebaliknya. Berdasarkan penjelasan secara statistik

melalui nilai nisbah kebarangkalian (*Odds Ratio*) iaitu pada bacaan $Exp(B)$ dalam Jadual 6 menunjukkan bahawa responden yang mempunyai tahap kemahiran rendah dianggarkan berkebarangkalian berisiko menjadi tersisih adalah sebanyak 0.001. Bagi tahap modal kerohanian rendah yang terkumpul dalam diri responden berkebarangkalian boleh menyebabkan menjadi tersisih adalah sebanyak 0.450.

Manakala terdapat pemboleh ubah bebas yang mempunyai arah hubungan positif terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu pemboleh ubah status kesihatan, OKU dan bekas banduan. Tafsiran bagi arah hubungan tersebut ialah responden yang berstatus kesihatan tidak normal iaitu mempunyai masalah kesihatan terutama berpenyakit kritikal boleh menyebabkan kebarangkalian untuk mengalami penyisihan sebanyak 1.997. Berkenaan status OKU pula, responden yang merupakan dalam kalangan OKU berkebarangkalian untuk menjadi tersisih adalah 2.9 kali ganda berbanding orang normal. Akhir sekali, keputusan kajian ini juga menunjukkan bahawa seseorang yang berstatus bekas banduan berkemungkinan untuk menjadi tersisih adalah sebanyak 2.323 kali ganda berbanding orang bukan berstatus bekas banduan.

JADUAL 6. Keputusan Regresi Logistik (Model 1)

Pemboleh ubah	B	Sisihan Piawai	Wald	Sig	Exp(B)	95% CI For EXP (B)	
						Bawah	HatasH
Tahap pendidikan: tahap pendidikan SPM ke bawah	0.391	0.240	2.646	0.104	1.478	0.923	2.366
Tahap kemahiran: nisbah tahap kemahiran	-6.681	1.974	11.452	0.001**	0.001	0.000	0.060
Keupayaan keusahawanan: tahap keupayaan keusahawanan rendah	0.144	0.729	0.039	0.844	1.154	0.276	4.821
Status kesihatan: tidak normal	0.692	0.304	5.188	0.023**	1.997	1.101	3.620
Tahap modal kerohanian	-0.798	0.282	8.029	0.005**	0.450	0.259	0.782
Status banduan: bekas banduan	0.843	0.477	3.124	0.077*	2.323	0.912	5.915
Status keupayaan: status OKU	1.065	0.582	3.352	0.067*	2.900	0.928	9.066
Konstan	1.828	1.144	2.552	0.110	6.219		

Nota: ** adalah signifikan pada aras keertian 5% ($p < 0.05$).

* adalah signifikan pada aras keertian 10% ($p < 0.1$).

Jadual 7 menunjukkan keputusan ujian interaksi antara pemboleh ubah tahap modal kerohanian dengan demografi iaitu pemboleh ubah kawasan. Hasil ujian

menunjukkan bahawa interaksi antara tahap modal kerohanian dan kawasan (luar bandar) adalah tidak signifikan.

JADUAL 7. Keputusan Regresi Logistik (Model 2)

Pemboleh ubah	B	Sisihan Piawai	Wald	Sig	Exp(B)	95% CI For EXP (B)	
						Bawah	HAtas
Tahap pendidikan: Tahap Pendidikan SPM ke bawah	0.399	0.241	2.757	0.097	0.671	0.419	1.075
Kemahiran: Nisbah tahap kemahiran	-6.560	2.027	10.476	0.001*	0.001	0.000	0.075
Keupayaan keusahawanan: tahap keupayaan keusahawanan rendah	0.128	0.731	0.031	0.860	1.137	0.272	4.762
Status kesihatan: Tidak normal	0.659	0.305	4.677	0.031*	1.934	1.064	3.515
Tahap modal kerohanian	-1.077	0.404	7.098	0.008*	0.341	0.154	0.752
Status banduan: Bekas banduan	0.787	0.483	2.650	0.104	2.197	0.852	5.666
Status keupayaan: Status OKU	1.098	0.579	3.591	0.058	2.998	0.963	9.333
Kawasan: luar bandar	-2.263	2.178	1.079	0.299	0.104	0.001	7.438
Interaksi tahap modal kerohanian X luar bandar	0.607	0.570	1.137	0.286	1.836	0.601	5.605
Konstan	3.308	1.615	4.197	0.040	27.326		

Nota: * adalah signifikan pada aras keertian 5% ($p < 0.05$).

DAPATAN KAJIAN

Keputusan ujian statistik regresi logistik menunjukkan bahawa terdapat lima faktor penentu penyisihan sosial dimensi ekonomi yang signifikan iaitu tahap kemahiran, status kesihatan, tahap modal kerohanian, status OKU dan status bekas banduan. Faktor tahap kemahiran dalam kajian ini merujuk kepada pemilikan kemahiran oleh responden. Kemahiran tersebut meliputi kemahiran teknikal seperti kemahiran automotif, pertukangan, menjahit dan sebagainya. Dapatan ini dilihat selari dengan teori Sigma seperti yang dikemukakan oleh Figueroa (2015a; 2015b) dan idea oleh Bradshaw et al. (2004).

Selanjutnya, faktor kedua yang signifikan sebagai penentu penyisihan sosial dimensi ekonomi ialah status kesihatan. Berhubung dengan hal ini, dapatan empirikal yang diperoleh adalah konsisten dengan Tsakloglou dan Papadopoulos (2002), Bradshaw et al. (2004), UNDP Croatia (2006), Boardman (2011), Babajanian dan Hagen-Zanker (2012), Kim et al. (2016) serta Nik Mohd Azim et al. (2020). Ini kerana masing-masing mengaitkan faktor kesihatan sebagai penentu kepada penyisihan sosial yang mana status kesihatan tersebut merangkumi kesihatan fizikal dan mental. Dapatan empirikal faktor kemahiran dan status kesihatan tersebut bukan hanya mengukuhkan lagi premis umum teori Sigma yang menyatakan bahawa faktor keupayaan modal insan merupakan penentu kepada penyisihan sosial dimensi ekonomi, malah hasil kajian ini juga mengembangkan lagi komponen keupayaan modal insan yang tidak dimasukkan oleh teori Sigma iaitu status kesihatan.

Seterusnya, faktor ketiga penentu penyisihan sosial dimensi ekonomi ialah tahap modal kerohanian. Modal kerohanian menurut kajian ini mengandungi dua sub konstruk utama iaitu pelaburan kerohanian dan kecerdasan kerohanian. Menerusi dapatan kajian, penyelidikan ini berjaya membuktikan modal kerohanian sebagai pemboleh ubah baharu faktor-faktor penentu penyisihan sosial khususnya dalam dimensi ekonomi. Selain itu, faktor keempat dan kelima yang signifikan masing-masing adalah status OKU dan bekas banduan. Bagi faktor status OKU, dapatan ini adalah konsisten dengan kajian daripada Riga (2007), UNDP Croatia (2006), Babajanian & Hagen-Zanker (2012), Islam (2015), Fang & Gunderson (2015) dan Kim et al. (2016). Akhir sekali, untuk faktor status bekas banduan, hasil kajian ini didapati sejajar dengan Bradshaw et al. (2004), UNDP Croatia (2006). Sebagai rumusan, dapatan ini menunjukkan bahawa seseorang yang memilikkan salah satu daripada faktor seperti keupayaan modal insan terutamanya kemahiran serta kesihatan, modal kerohanian pada tahap yang rendah di samping berstatus OKU dan bekas banduan dapat meningkatkan kebarangkaliannya untuk terjebak dengan isu penyisihan sosial dimensi ekonomi.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa pemboleh ubah tahap kemahiran, status kesihatan, tahap modal kerohanian, status OKU dan bekas banduan merupakan faktor penentu kepada isu penyisihan sosial dimensi ekonomi. Dalam hal ini, faktor kemahiran dan kesihatan merupakan dua komponen bagi keupayaan modal insan. Manakala faktor modal kerohanian pula adalah perihal abstrak yang menjadi kekuatan dalaman golongan tersisih berasaskan spiritual Islam. Sementara status OKU dan bekas banduan masing-masing berkait dengan tahap keupayaan fizikal serta latar sosial yang berisiko. Berhubung dengan hal ini, aspek kemahiran dapat dikaitkan dengan kebarangkalian untuk menjadi tersisih kerana individu yang mempunyai tahap kemahiran yang rendah atau tidak berkemahiran mempunyai peluang lebih rendah untuk mendapat tempat dalam pasaran buruh yang menawarkan pendapatan wajar berbanding orang berkemahiran tinggi. Berdasarkan logik ekonomi, orang berkemahiran rendah atau tidak berkemahiran dianggap sebagai mempunyai produktiviti rendah seterusnya tidak mampu menjana pendapatan yang lebih baik berbanding orang berkemahiran tinggi.

Manakala, bagi aspek kesihatan pula dapat difahami bahawa status kesihatan yang tidak baik boleh melemahkan keupayaan modal insan individu. Keadaan tersebut menyebabkan tahap kebolehan bekerja dan daya pengeluaran individu menjadi rendah. Hal ini mengakibatkan individu yang mempunyai masalah kesihatan menjadi tidak relevan untuk memasuki pasaran sumber ekonomi sama ada menjadi pekerja mahupun usahawan produktif. Akhirnya, individu berpenyakit menjadi tersisih daripada pasaran sumber ekonomi. Seterusnya faktor modal kerohanian dikaitkan dengan kebarangkalian untuk terpalit dengan isu penyisihan sosial dimensi ekonomi pula kerana pengumpulan modal kerohanian yang rendah pada diri individu berpotensi untuk memberi pengaruh negatif terhadap motivasi, nilai, sikap dan tingkah laku bekerja individu terutama apabila menghadapi cabaran serta kesulitan dalam dunia pekerjaan yang akhirnya menjejaskan produktiviti bekerja.

Sehubungan itu, modal kerohanian yang ditanam ke dalam individu akan dapat merangsang motivasi berkualiti bagi membangunkan diri ke arah kehidupan yang bermakna. Nilai-nilai positif yang terhasil daripada pengumpulan modal kerohanian dalam diri adalah dalam bentuk kebaikan keras (*hard virtues*) meliputi sifat tawakal, kepimpinan, keberanian, ketabahan dan disiplin terutama dalam mengusahakan sesuatu pekerjaan. Modal kerohanian yang tinggi dapat mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dengan menjelmakan nilai-nilai positif dalam tingkah laku seterusnya membantu keluar daripada kehidupan tersisih. Oleh yang demikian, penerapan modal kerohanian dalam modul program

pemeriksaan ekonomi golongan tersisih dan miskin akan melahirkan peserta program yang mempunyai kesedaran serta motivasi tinggi dipandu oleh visi hidup yang jelas. Ini akan mendorong mereka mengembangkan segenap potensi yang ada bagi membangunkan keupayaan untuk memperbaiki kehidupan daripada kemiskinan dan peminggiran kepada kehidupan yang lebih bermakna dan berkualiti.

Seterusnya, golongan OKU berkebarangkalian tinggi untuk mengalami penyisihan sosial dimensi ekonomi kerana seperti yang sedia maklum bahawa golongan ini mempunyai keterbatasan serta kesukaran terutama dari segi anggota fizikal dan pancaindera utama yang boleh menghalang mereka berprestasi melakukan sesuatu pekerjaan dengan berkesan berbanding tenaga kerja dalam kalangan orang normal. Disebabkan ini, tahap kecekapan dan produktiviti yang dimiliki oleh golongan OKU berada pada tahap yang sangat rendah. Akhir sekali bagi status bekas banduan pula, mereka berisiko untuk mengalami penyisihan sosial dimensi ekonomi kerana kehadiran mereka berupaya mengundang stigma sosial dan persepsi negatif dalam kalangan masyarakat terhadap mereka. Oleh yang demikian, bekas banduan cenderung untuk ditolak serta disisihkan oleh masyarakat daripada menyertai aktiviti ekonomi dan sosial bersama mereka.

Sehubungan itu, dapatan penyelidikan ini dapat menyediakan maklumat berguna kepada penggubal dasar tentang isu penyisihan sosial dimensi ekonomi berserta hubung kaitnya dengan insiden kemiskinan dan ketidaksamaan ekonomi semasa yang berlaku dalam negara. Susulan daripada itu, pihak kerajaan boleh membuat penambahbaikan terhadap strategi serta pelan tindakan dasar sedia ada yang bersesuaian terutama berkaitan dengan agenda pemerikasaan ekonomi komuniti bagi menangani isu tersebut dalam usaha untuk mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi inklusif demi menjayakan RMKe-12 dan WKB 2030.

Justeru, antara pelan tindakan yang boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan ialah sentiasa memperkukuh, mengemas kini serta menambah baik modul latihan kemahiran dan penjagaan kesihatan sedia ada dari semasa ke semasa, di samping memasukkan aspek pembangunan modal kerohanian dalam setiap program pemerikasaan ekonomi kumpulan sasaran terutama kepada kumpulan masyarakat berisiko tinggi seperti OKU dan bekas banduan merentasi pelbagai kementerian secara kolektif. Sebagai contoh, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) perlu melaksanakan tindakan tersebut dalam program pemerikasaan ekonomi masyarakat anjuran kementerian berkenaan. Begitu juga Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui program pemerikasaan ekonomi belia dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) melalui program pemerikasaan ekonomi untuk komuniti luar bandar. Aspek pembangunan modal kerohanian tersebut mestilah dilaksanakan dalam bentuk modul yang tuntas

dengan mengambil kira dua komponen iaitu pelaburan kerohanian dan kecerdasan kerohanian. Hal ini supaya pembangunan modal kerohanian dalam diri kumpulan sasaran itu bersifat holistik dan berkesan. Pemasukan aspek pembangunan modal kerohanian dalam bentuk modul yang tuntas adalah penting supaya setiap program pemerikasaan ekonomi kumpulan sasaran yang dianjurkan bersifat lebih komprehensif dan sentiasa relevan dalam menangani isu penyisihan sosial dimensi ekonomi, kemiskinan dan ketidaksamaan ekonomi dengan lebih berkesan.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor penentu penyisihan sosial menurut dimensi ekonomi dan menguji aspek modal kerohanian sebagai pemboleh ubah baharu bagi faktor tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kemahiran, status kesihatan, tahap modal kerohanian, status OKU dan status bekas banduan merupakan faktor penentu kepada fenomena penyisihan sosial dalam kalangan penerima bantuan JKM dan zakat di Malaysia.

Dalam pada itu, terdapat tiga sumbangan utama kajian ini yang memberi nilai tambah terhadap bidang penyelidikan tentang faktor-faktor penentu penyisihan sosial. Pertama, penyelidikan ini memberi tumpuan kepada isu penyisihan sosial dalam skop dimensi ekonomi secara khusus. Berbeza dengan kajian-kajian terdahulu yang mengkaji isu penyisihan sosial bersifat umum. Kedua, kajian ini mengukuhkan lagi saranan umum teori Sigma oleh Figueroa (2015a & 2015b) yang mengaitkan faktor keupayaan modal insan sebagai penentu penyisihan sosial dimensi ekonomi. Tambahan pula, kajian ini juga membuktikan terdapat satu lagi komponen dalam keupayaan modal insan yang tidak dikemukakan oleh Figueroa (2015a & 2015b) yang turut berupaya menjadi penyebab penyisihan sosial dimensi ekonomi iaitu status kesihatan. Ketiga, kajian ini telah meluaskan lagi perspektif tentang faktor penentu penyisihan sosial yang mana tidak hanya terhad kepada faktor luaran bersifat nyata semata-mata, malah turut mengambil kira aspek dalaman yang abstrak iaitu elemen kerohanian. Perihal ini sebagai mengisi jurang kajian yang belum dikemukakan oleh para pengkaji lepas.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai batasan tersendiri yang memerlukan kajian lanjut. Batasan tersebut ialah berkenaan dengan kawasan kajian yang hanya tertumpu di wilayah tengah Malaysia. Bagi mendapatkan inferens yang lebih tuntas, maka penyelidikan akan datang boleh melakukan penyelidikan di bawah tajuk sama dengan mengembangkan lagi sempadan kawasan kajian meliputi kesemua wilayah di Malaysia. Hal ini dijangka dapat menghasilkan maklumat tambahan yang lebih menarik kerana mengambil kira responden dalam konteks kawasan geografi yang lebih luas.

NOTA

1. Al-Quran, Asy-Syam 91: 9-10.
2. SPM merupakan singkatan kepada Sijil Pelajaran Malaysia iaitu sijil akademik bagi peperiksaan terakhir pendidikan menengah atas (dengan usia purata murid adalah 17 tahun atau tingkatan 5 persekolahan) dalam sistem pendidikan Malaysia yang dianjurkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia.
3. Had PGK yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan ukuran yang ditetapkan pada tahun 2014 (Malaysia 2015).
4. Dalam hal ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menetapkan standard perumahan bagi perumahan biasa dan Program Perumahan Rakyat (PPR) mestilah mempunyai tiga bilik tidur (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia 2016) dan <https://ehome.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/133>.

PENGHARGAAN

Kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan bagi Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 2018 yang dibiayai Kementerian Pendidikan Malaysia, bertajuk *Pembangunan Model Modal Kerohanian: Kajian ke atas Isi Rumah Mudah Terjejas* (FRGS/1/2018/ SS08/UKM/02/2) dan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 2016 bertajuk *The Feasibility Study of Waqf-Based Crowdfunding for Humanitarian Aid* (FRGS/1/2016/SS08/UKM/02/1).

RUJUKAN

- Aahad, M., O-G., Junaidah, H. & Yusof, I. 2013. Establishing linkages between religiosity and spirituality on employee performance. *Employee Relations* 35(4): 360-376.
- Abdul Hayei, A.S. 2005. *Jzuzuk 29 Tafsir Pedoman Mutaqqin*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & distributors sdn bhd.
- Abdul Malik, A.K.A. 1975. *Tafsir al-Azhar Juzu' XXIX*. Yayasan Nurul Islam.
- Abdullah, D.F., Sofian, S. & Bajuri, N.H. 2015. Intellectual capital as the essence of sustainable corporate performance. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities* 23(S): 131-144.
- Abu Soleh, N. 1997. *Jalan-Jalan Mengingati Allah*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Achmad Kurniawan, P. 2015. Konsep rezeki dalam al-Quran. *Jurnal Didaktika Islamika* 6(2): 132-146.
- Adjibolosoo, S. 2013. *Spiritual Capital Its Meaning and Essence*. Bloomington: WestBow Press.
- Al-Ghazali. 2000. *Ihya' Ulumiddin*. Tahqiq Abdul Rahim bin al-Husain al-Iraqi. Al-Qahirah: Dar al-Taqwa li al-Turath.
- Al-Harran, S.A.D. 2004. *For Today's Social Ills Islam Is the Solution*. Kuala Lumpur. A.S. Noordeen.
- Al-Qur'an. 2010. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Edisi ke-14. Terj. Sheikh Abdullah Basmeih. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Anand, N., Mishra, S. & Peiris, S., J. 2013. *Inclusive Growth: Measurement and Determinants*. International Monetary Fund Working Paper.
- Andjelkovic, B., Ivanov, A., Horváth, B., Marnie, S., Mihailov, D., Milcher, S., Peleah, M., Peric, T., Rende, S., Spoor, M., Stubbs, P. & Tadjbakhsh, S. 2011. *Beyond Transition Regional Human Development Report Towards Inclusive Societies*. Bratislava: United Nations Development Programme Regional Bureau for Europe and CIS.
- Asy-Syaukani, M.A. 2012. *Tafsir al-Qadir*. Jilid 11. Terj. Amir Hamzah & Besus Hidayat Amin. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Babajanian, B. & Hagen-Zanker, J. 2012. Social protection and social exclusion: An analytical framework to assess the links. Overseas Development Institute (ODI) Background Note.
- Baker, C. & Miles-Watson, J. 2010. Faith and traditional capitals: Defining the public scope of spiritual and religious capital-A literature review. *Implicit Religion*: 17-69.
- Baker, C. & Smith, G. 2010. *Spiritual, Religious and Social Capital – Exploring Their Dimensions and Their Relationship with Faith-Based Motivation and Participation in UK Civil Society*. The BSA Sociology of Religion Group Conference Working Paper.
- Basri, M. & Hamzah. 2020. Membuka pintu rezeki dalam perspektif al-Qur'an. *AL QUDS: Jurnal Studi Alquran dan Hadis* 4(2): 467-480.
- Becker, G.S. 1962. Investment in human capital: A theoretical analysis. *Journal of Political Economy* 70(5): 9-49.
- Berger, P.L. & Hefner, R.W. 2003. Spiritual capital in comparative perspective. Paper prepared for the Spiritual Capital Planning Meeting.
- Berger, P.L. & Redding, G. 2011. Introduction: Spiritual, social, human and financial capital. Dlm. *The Hidden Form of Capital Spiritual Influences in Societal Progress* disunting oleh Berger, P.L. & Redding, G. London & New York: Anthem Press.
- Boardman, J. 2011. Social exclusion and mental health - How people with mental health problems are disadvantaged: An overview. *Mental Health and Social Inclusion* 15(3): 112-121.
- Bradshaw, J., Kemp, P., Baldwin, S. & Rowe, A. 2004. *The Drivers of Social Exclusion a Review of the Literature for the Social Exclusion Unit in the Breaking the Cycle Series*. London: The Office of the Deputy Prime Minister.
- Byrne, D. 2005. *Social Exclusion*. 2nd Ed. England: Open University Press.
- Doney, R.H., McGuirk, P.M. & Mee, K.J. 2013. Social mix and the problematisation of social housing. *Australian Geographer* 44(4): 401-418.
- Ellison, C.W. 1983. Spiritual well-being: Conceptualization and measurement. *Journal of Psychology and Theology* 11(4): 330-338.
- Elmi, B. & Zainab, I. 2016. Matlamat kecerdasan rohaniah menurut perspektif Islam. *Jurnal Hadhari* 8(1): 169-185.
- Fang, T. & Gunderson, M. 2015. Vulnerable groups in Canada and labour market exclusion. *International Journal of Manpower* 36(6): 824-847.
- Faria, V.E. 1995. Social exclusion and Latin America analyses of poverty dan deprivation. Dlm. *Social Exclusion: Rhetoric Reality Responses* disunting oleh Rodgers, G., Gore, C. & Figueiredo, J.B. International Labour Organization.
- Figuroa, A. 2015a. *Growth, Employment, inequality and the Environment Unity of Knowledge in Economics Volume 1*. New York: Palgrave Macmillan.
- Figuroa, A. 2015b. *Growth, Employment, inequality and the Environment Unity of Knowledge in Economics Volume 2*. New York: Palgrave Macmillan.

- Galabuzi, G. 2016. Social exclusion. Dlm. *Social Determinants of Health*, disunting oleh Raphael, D. Edisi Ke-3. Toronto: Canadian Scholars' Press.
- Haan, A.D. 1999. Social exclusion: Towards an Holistic Understanding of Deprivation. t.tp. t.pt.
- Hairunnizam, W., Sanep, A. & Radiah, A.K. 2012. Pengaruh faktor keagamaan terhadap kualiti hidup asnaf fakir dan miskin: Satu tinjauan awal. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 6(1): 131-156.
- Hazari, B. & Mohan, V. 2015. Social exclusion, capital, accumulation and inequality. *International Review of Economics and Finance* 39: 371-375.
- Hefner, R.W. 2011. Islam and spiritual capital: An Indonesian case study. Dlm. *The Hidden Form of Capital Spiritual Influences in Societal Progress*, disunting oleh Berger, P.L. & Redding, G. London & New York: Anthem Press.
- Islam, M.R. 2015. Rights of the people with disabilities and social exclusion in Malaysia. *International Journal of Social Science and Humanity* 5(2): 171-177.
- Islam, M.R. & Nath, B. 2012. Socially-excluded People in Bangladesh: Causes and processes. *American Journal of Social Issues & Humanities* 2(5): 355-367.
- Khairul Hamimah, M.J., Mohd Afifuddin, M & Azizi, C.S. 2014. Penerapan agama dalam modul psikospiritual dan kesannya terhadap kesihatan spiritual: Kajian kes di Kompleks Dar Assaadah Kuala Lumpur. *Jurnal Syariah* 22(1): 107-127.
- Kim, K.M., Kim, D.K., Shin, Y.R. 2016. Social exclusion of people with disabilities in Korea. *Social Indicators Research* 129: 761-773.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Levitas, R., Pantazis, C., Fahmy, E., Gordon, D., Lloyd, E. & Patsios, D. 2007. *The Multi-Dimensional Analysis of Social Exclusion*. A Research Report For Social Exclusion Task Force. The Cabinet Office.
- Malaysia. 2015. *Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020 Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia. 2019. *Wawasan Kemakmuran Bersama 2030*. Putrajaya: Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.
- Malaysia. 2020. *Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Malaysia. 2021. *Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 'Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan'*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.
- Malloch, T.R. 2010. Spiritual capital and practical wisdom. *Journal of Management Development* 29(7/8): 755-759.
- Metanexus Institute. 2003. www.metanexus.net/spiritual_capital%5Fcapital/what_is.asp.
- Mendola, D., Busetta, A. & Milito, A.M. 2009. *The Importance of Consecutive Spells of Poverty: A Longitudinal Poverty Index*. IRISS Working Paper 2009-21. CEPS/INSTEAD, Differdange, Luxembourg.
- Mohd Adib, I., Nik Mohd Azim, N.A.M. & Muhammad Hakimi, M.S. 2015. Empowering the peripheral ummah through waqf. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* 12(1): 29-46.
- Mohd Adib, I., Nik Mohd Azim, N.A.M., Shahida, S. & Muhammad Hakimi, M.S. 2020. Pendefinisian penyisihan sosial menurut dimensi ekonomi. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 54(2): 149 - 156.
- Moustafa, A., Abbott, D. & Butcher, S. 2014. *The State of Human Development in the Pacific: A Report on Vulnerability and Exclusion in a Time of Rapid Change*. Suva: UNDP.
- Muhammad Syukri, S. 2013. Concepts in Islamic economics revisited: The case of poverty. Association of Science Culture Education (ILKE), Association of Entrepreneurship and Business Ethics (IGIAD), and Scientific Studies Association (ILEM), at Istanbul, Turkey, March 1-3, 2013. *Humanomics* 13(3): 215-244.
- Nik Mohd Azim, N.A.M., Mohd Adib, I. & Shahida, S. 2015. Penyisihan sosial dan penyelesaiannya melalui mekanisme filantropi Islam. *Jurnal Muamalat* 8: 77-99.
- Nik Mohd Azim, N.A.M., Shahida, S., Mohd Adib, I. & Muhammad Hakimi, M.S. 2020. Faktor penyebab penyisihan sosial dalam kalangan masyarakat berdasarkan sorotan karya bersistematik dan keperluan analisis lanjut daripada perspektif Islam. *Islamiyyat* 42(1): 31 - 38.
- Nik Safiah, N.A., Selamah, M. & Norazlina, A.W. 2021. Tahap kecenderungan mahasiswa menyertai program pembangunan kerohanian. e-BANGI: *Journal of Social Sciences and Humanities* 18(1): 215-231.
- Nunnally, J.C. 1978. *Psychometric Theory*. Edisi ke-2. United States of America: McGraw-Hill.
- O' Brien, D., Wilkes, J., Haan, A. d. & Maxwell, S. 1997. *Poverty and Social Exclusion in North and South*. IDS Working Paper 55.
- Osborne, J.W. 2015. *Best Practices in Logistic Regression*. California: SAGE Publications Inc.
- Percy-Smith, J. 2000. Introduction: the contours of social exclusion. Dlm. *Policy Responses to Social Exclusion Towards Inclusion?* Percy-Smith, J (Pnyt.). Buckingham & Philadelphia: Open University Press.
- Piazza-Georgi, B. 2002. The role of human and social capital in growth: Extending our understanding. *Cambridge Journal of Economics* 26: 461-479.
- Poggi, A. 2007. Does persistence of social exclusion exist in Spain? *The Journal of Economic Inequality* 5: 53-72.
- Paugam, S. 1996. *A New Contract? Poverty and Social Exclusion: A Sociological View*. EUI Working Papers, European University Institute n. 96/37.
- Rahmah, I., Ishak, Y. & Mohd Nasir, M.S. 2011. *Modal Insan Dan Agihan Pendapatan di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Riga. 2007. Causes and duration of unemployment and social exclusion. European Union Structural Funds National Programme "Researches on Labour Market" Project "Researches of the Ministry of Welfare".
- Safaa, S. 2012. A conceptual framework review of social exclusion, and its relation with social cohesion and poverty in Europe. *International Journal of Diversity in Organisations* 11(1): 117-132.
- Salasiah Hanin, H. 2010. Bimbingan spiritual menurut al-Ghazali dan hubungannya dengan keberkesanan kaunseling: Satu kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK MAIN). *Islamiyyat* 32: 41-61.
- Salim, B., Mehrbibi, B., Ziba, B. & Habibeh, R. 2015. What is the impact of organizational spirituality on productivity of human resources? *Theoretical & Applied Science* 23(03): 115-121.
- Saunders, P. 2008. Social Exclusion: Challenges for research and implications for policy. *The Economic and Labour Relations Review* 19(1):73-92.

- Scutella, R., Wilkins, R. & Horn, M. 2009. Measuring poverty and social exclusion in Australia: A proposed multidimensional framework for identifying socio-economic disadvantage. Melbourne Institute Working Paper No. 4/09.
- Schultz, T.W. 1961. Investment in human capital. *The American Economic Review* 51(1): 1-17.
- Sekaran, U. & Bougie, R. 2016. *Research Methods for Business A Skill-Building Approach*. 7th Edition. United Kingdom: John Wiley & Sons Ltd.
- Sen, A. 2000. social exclusion: concept, application, and Scrutiny. Social Development Papers no. 1. Asian Development Bank.
- Shorrocks, A., Davies, J. & Lluberas, R. 2019. Global Wealth Databook 2019. Research institute thought leadership from credit suisse research and the world's foremost experts. Credit Suisse Research Institute.
- Silver, H. 1994. Social exclusion and social solidarity: Three paradigms. *International Labour Review* 133(5-6): 531-572.
- Silver, H. 1995. Reconceptualizing social disadvantage: Three paradigms of social exclusion. Dlm. *Social Exclusion: Rhetoric Reality Responses*, disunting oleh Rodgers, G., Gore, C. & Figueiredo, J.B. Geneva: ILO Publications.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah. 2009. Intervensi sosial untuk komuniti tersisih di Malaysia. Dlm. *Pembelaan Kumpulan Minoriti di Malaysia*, disunting oleh Raihanah Abdullah. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Suriani, S., Fariza, M.S. & Phayilah, Y. 2019. Tawakal sebagai elemen kecerdasan spiritual menurut perspektif hadis. *Jurnal Pengajian Islam* 12(II): 157-167.
- Suriani, S., Fariza, M.S. & Phayilah, Y. 2020. Mentauhidkan Allah asas kecerdasan spiritual Muslim. *Jurnal Pengajian Islam* 13(I): 34-42.
- Syed Mohammad Hilmi, S.A.R. 2017. Tazkiyah al-nafs menurut ahli tasawuf. *Jurnal Qalbu* 1.5: 80-108.
- Teraji, S. 2011. An economic analysis of social exclusion and inequality. *The Journal of Socio-Economics* 40: 217-223.
- Tsakoglou, P. & Papadopoulos, F. 2002. Aggregate level and determining factors of social exclusion in twelve European countries. *Journal of European Social Policy* 12(3): 211-225.
- United Nations Development Programme Croatia (UNDP Croatia). 2006. *Poverty, Unemployment and Social Exclusion*. Croatia.
- Wan Muhammad Amir, W, A., Ruhaya, H. & Nor Affendy, N, A. 2017. *Analisis Data Menggunakan Borang Soal Selidik*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Wahbah Al-Zuhaily. 2007. *Tafsir al-Munir Juz 28*. Terj. Ahmad Hasan Mohd Nazam, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Che Hasmawati Che Awang, Fatimah Mamat & Rafiah Hussin. Edisi Ke-2. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication & Persatuan Ulama' Malaysia.
- Wahbah Al-Zuhaily. 2004. *Tafsir al-Munir Juz 29*. Terj. Mohd Fauzi Hamat, Wan Suhaimi Wan Abdullah, Muhamad Zahiri Awang Mat, Ahmad Hassan Mohd Nazam, Zulkifli Wahab & Noor Ad'idah Amir Nordin. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication & Persatuan Ulama' Malaysia.
- Wortham, R.A. & Wortham, C.B. 2007. Spiritual capital and the "good life". *Sociological Spectrum* 27: 439-452.
- Nik Mohd Azim Nik Ab Malik
Kluster Ekonomi dan Kewangan Islam
Pusat Kajian Pembangunan Inklusif dan Lestari (SID)
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43000 UKM Bangi Selangor, MALAYSIA.
E-mel: nikazim2020@gmail.com
- Shahida Shahimi*
Kluster Ekonomi dan Kewangan Islam
Pusat Kajian Pembangunan Inklusif dan Lestari (SID)
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43000 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mel: shahida@ukm.edu.my
- Muhammad Hakimi Mohd Shafai
Kluster Ekonomi dan Kewangan Islam
Pusat Kajian Pembangunan Inklusif dan Lestari (SID)
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43000 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mel: hakimi@ukm.edu.my

*Penulis koresponden